

Avillion Hotel anjur kempen derma darah

Oleh SHAHIRAH YASIN

BANDARAYA MELAKA 21 Okt.- Prihatin dengan bekalan darah yang makin kurang, pihak Avillion Legacy Melaka dengan kerjasama Hospital Melaka (HM) telah menganjurkan kempen derma darah kali kelima yang diadakan selama satu hari.

Pengurus Besar, Avillion Legacy Melaka, Low Kee Nan berkata, tujuan kempen ini diadakan adalah untuk membantu membekalkan kekurangan darah yang dihadapi oleh tabung darah negara.

"Kami menyasarkan seramai 80 penderma yang akan menyertai kempen hari ini, pihak kami juga telah menjemput beberapa agensi kerajaan, penjawat awam, dan pelajar di sekitar kawasan ini serta kakitangan hotel untuk melibatkan diri dalam kempen ini," kata-



ANGGOTA bomba yang turut menyertai kempen derma darah sambil diperhatikan oleh Kee Nan di Avillion Legacy Melaka.

nya di Avillion Legacy.

Jelasnya, kempen derma darah ini merupakan salah satu projek di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh pihak hotel yang akan diadakan setiap tahun sejak 2011.

Sementara itu, Pegawai

Perubatan Hospital Besar Melaka Dr. Lai Yin San berkata, seseorang penderma perlu menjalani beberapa pemeriksaan kesihatan sebelum menderma darah dan tempoh masa bagi seseorang individu menderma hanya selama 10 hingga 15 minit sahaja, dan ini dapat



SAFURA kakitangan Avillion Legacy Melaka yang tidak melepaskan peluang menderma darah.

membantu menyelamatkan banyak nyawa.

Penderma darah, Safura Abd Aziz berkata dia merasa teruja menyertai kempen ini kerana ini merupakan pengalamannya yang pertama menderma darah.

Menurutnya, penderma

bukan sahaja membantu menyelamatkan nyawa malah ia turut memberi kebaikan kepada si penderma terutamanya dari aspek kesihatan antaranya mengurangkan risiko serangan jantung, membantu menurunkan berat badan dan mengurangkan risiko kanser.